

# Bedah siasat bukan suka-suka

OLIH ZUNAIDAH ZAINON  
GAMBAR HAYAT SUEET

**D**I luar bilik mayat sebuah hospital, terdengar raungan seorang ibu apabila mengetahui kematian tragis anak perempuannya. Kematian itu tambah menyedihkan apabila punca kematian gadis itu tidak diketahui dan pihak polis membuat kesimpulan awal bahawa mangsa dirogol dan kemudian dibunuh dengan kejam.

Masalahnya, siapakah pembunuhnya dan apakah motif di sebalik kejadian yang berlaku? Bagaimanakah hendak mengesan pembunuh terbabit? Apakah benar mangsa telah dirogol? Adakah penjenayah akan bebas begitu sahaja sedangkan keluarga gadis itu terpaksa menanggung trauma seumur hidup?

Dalam kes sebegini, pakar forensik amat diperlukan untuk mengheret penjenayah ke muka pengadilan. Langkah ini penting bagi menjamin kesejahteraan dan keamanan hidup manusia di muka bumi ini. Perubatan forensik adalah satu ca-

bang sains perubatan yang diiktiraf. Ahli-ahli forensik merupakan pakar yang mencari bukti-bukti dalam kes jenayah dan seterusnya membawa bukti itu ke mahkamah. Tugas sebagai pakar forensik atau lebih dikenali sebagai pakar bedah mayat pernah dianggap sebagai kerjaya membosankan kerana pakar itu berhadapan dengan mayat setiap hari. Malah suatu waktu dulu, tugas itu dipandang sebagai menyalahi etika kemanusiaan kerana dianggap membedah orang yang sudah mati dan melakukan 'penyiksaan' ke atas mayat tanpa keizinan!

Definisi bedah siasat atau dalam istilah bahasa Inggeris disebut post-mortem bermaksud pemeriksaan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan ke atas mayat. Ia melibatkan pemeriksaan luaran dan dalaman untuk mengenal pasti punca kematian dan ciri atau setakat mana perubahan dihasilkan oleh sesuatu penyakit, kimia, radiasi, kemalangan, kecederaan dan lain-lain.

Dekan Program Yayasan Kajian dan Klinikal, Kolej Universiti Sains Perubatan Cyberjaya, Prof. Dr. Abdul Latiff Mohamed memberi penjelasan



DR. ABDUL LATIFF MOHAMED

berhubung kepentingan bedah siasat mayat dalam dunia perubatan masa kini mengikut perspektif Islam. Beliau juga memperkatakan tentang kesedaran mendermakan organ oleh masyarakat Islam.

Menurut Dr. Latiff, bedah siasat hanya dilakukan atas tujuan-tujuan tertentu yang dibenarkan syariat tanpa melibatkan sebarang bentuk penyiksaan atau penderaan ke atas mayat tersebut. Dan segi prinsip Islam, perbuatan itu mungkin mendatangkan

kecederaan pada mayat seperti mani dalam sebuah hadis yang menyatakan bahawa mayat tetap akan berasa kesakitan jika perkara yang tidak baik dilakukan ke atasnya.

Bedah siasat berpandukan kepada maqasid al-shari'at iaitu bertujuan melindungi agama, nyawa, keturunan, akal dan harta. Dalam syariat, ia disebut Dharunyyat iaitu suatu keadaan yang mana tiada cara atau jalan lain untuk menyelesaikan perkara tersebut melainkan terpaksa melakukan perkara tersebut.

Misalnya, dalam satu kes rogol dan bunuh, pihak polis tidak dapat mengesan pembunuhnya melainkan melalui bedah siasat untuk mencari kesan-kesan seperti air mani dan bulu-bulu yang melekat pada badan mangsa. Apabila ujian DNA dijalankan, maka pihak polis mempunyai bukti kukuh untuk memberkas penjenayah terbabit.

"Dalam situasi ini, memang bedah siasat wajib dilakukan untuk tahu si apa yang bersalah melakukan pembunuhan. Kita tidak boleh biarkan dia terlepas begitu sahaja dan kemudian membahayakan nyawa orang lain. Secara tidak langsung, hasil bedah siasat tersebut mampu menyelamatkan nyawa orang lain daripada menjadi mangsa rogol," jelas beliau mengenai tujuan utama Islam membenarkan bedah siasat dilakukan.

### Punca kematian

Malah, hasil bedah siasat juga amat penting untuk melindungi harta terutama apabila si mati mempunyai polisi insurans yang meletakkan syarat supaya bedah siasat dijalankan bagi membuktikan punca kematian bukannya bunuh diri. Hasil yang diperoleh kelak akan menentukan punca kematian dan akhirnya harta tersebut dapat diwarisi anak-anaknya.

Tambah Dr. Latiff, bedah siasat juga perlu untuk mengembangkan ilmu pengetahuan dan hasil penyelidikan yang diperoleh boleh mengelakkan nyawa orang lain daripada terancam.

Islam turut membenarkan bedah siasat berdasarkan kepada prinsip qa-



KEMATIAN akibat kebakaran juga memerlukan bedah siasat untuk memastikan punca kematian. - Gambar hiasan



Bedah siasat dilakukan tanpa mengira bangsa, agama mahupun keturunan kerana tujuan utamanya adalah untuk mencari bukti dan menegakkan kebenaran. Dunia sains perubatan yang terlalu cepat berubah selari dengan kemajuan teknologi harus dimanfaatkan manusia sebaik-baiknya demi menjaga keharmonian sejagat

wa'id al-shari'at iaitu kaedah-kaedah yang menghalang atau membenarkan perkara-perkara yang haram dilakukan. Contoh situasi ini ialah minum arak memang diharamkan dalam Islam tetapi jika ia boleh menyelamatkan nyawa, maka ia dibenarkan.

Selain mencari punca kematian dan penyelidikan, bedah siasat juga bertujuan untuk melakukan pemindahan organ kepada pesakit yang memerlukan. Bagaimanapun, beliau menegaskan organ tidak akan diambil secara tidak beretika sebaliknya perlu mendapatkan kebenaran waris atau si mati telah membuat surat mengizinkan organnya didermakan.

"Apabila membincangkan isu bedah siasat, kita tidak dapat lari daripada kontroversi pemindahan organ kerana ia proses yang berkait rapat. Pemindahan organ adalah isu yang serius dan masih ramai orang Islam tidak menyedari kepentingan mendermakan organ kepada orang yang lebih memerlukan. Sedangkan Islam adalah agama yang mendidik umatnya bersikap pemurah," luah beliau yang kesal mengenai sikap orang Islam yang kurang menyedari kepentingan mendermakan organ yang boleh menyelamatkan nyawa orang lain.

Ada sesetengah individu berpendapat, apa yang ada dalam tubuh badan adalah hak Allah s.w.t. dan tidak berhak untuk diberi kepada orang lain sedangkan ada orang yang masih hidup sanggup mendermakan sebahagian daripada hatinya atau mendermakan sebelah daripada buah pinggangnya. Antara organ yang boleh didermakan termasuklah buah pinggang, paru-paru, jantung, hati, pankreas dan komea mata.

"Perlu diingatkan bahawa bedah siasat bukan bertujuan untuk mengambil organ tanpa kebenaran kerana doktor forensik juga berpegang pada etika kerja mereka yang tidak membenarkan berlakunya sebarang perlakuan yang di luar bidang tugas," tegas beliau yang juga Presiden Persatuan Perubatan Islam Malaysia (PPIM).

Bedah siasat, jelas beliau, hanya dijalankan jika terdapat keraguan pada punca kematian seperti mati secara mengejut dan tiba-tiba. Sekiranya punca kematian adalah jelas, maka bedah siasat tidak diperlukan. Malah Islam

tidak membenarkan mayat dibedah tanpa tujuan tertentu kerana perbuatan demikian dianggap menghina dan menganiyai mayat.

Ketika ditanya perlukah bedah siasat dijalankan ke atas mayat pesakit AIDS kerana berkemungkinan punca kematiannya menimbulkan syak seperti dibunuh, Dr. Latiff menerangkan, bedah siasat tetap akan dijalankan walaupun melibatkan prosedur yang membahayakan. Untuk menangani kes luar biasa ini, doktor forensik harus menjalankan tugasnya dengan lebih berhati-hati.

Islam menggariskan agar pembedahan dilakukan dengan cara cermat supaya tidak merosakkan kehormatan dan kemuliaan mayat. Dalam satu hadis daripada Aisyah r.a., Rasulullah s.a.w. bersabda: Memecahkan atau mematahkan tulang mayat sama seperti memecahkannya atau mematahkannya sewaktu hidupnya. (Riwayat Abu Daud)

"Perlu diingatkan mayat adalah sesuatu yang mulia dan tidak boleh dicampakkan ke laut atau dibiarkan di tepi-tepi longkang macam sampah. Sebab itu, dalam Islam, orang yang meninggal dunia akan diurus dengan baik iaitu dimandikan, dikafankan dan kemudian disembahyangkan sebelum dikebumikan," ujar Dr. Latiff.

Beliau mengingatkan pelajar perubatan dan pakar forensik tidak melakukan sebarang bentuk penghinaan dan penganiayaan ke atas mayat seperti mencucuk dengan pen, mengejek dan mentertawakan kekurangan yang terdapat pada tubuh badan mayat. Selain itu, aurat orang yang telah mati juga perlu dijaga semasa proses bedah siasat berjalan.

Dimwayatkan daripada Saidina Ali, Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud: Janglah kamu nyatakan (perlihatkan) pahamu, dan janglah kamu memandang kepada paha orang hidup dan orang mati. (Riwayat Abu Daud dan Ibnu Majah)

Bedah siasat dilakukan tanpa mengira bangsa, agama mahupun keturunan kerana tujuan utamanya adalah untuk mencari bukti dan menegakkan kebenaran. Dunia sains perubatan yang terlalu cepat berubah selari dengan kemajuan teknologi harus dimanfaatkan manusia sebaik-baiknya demi menjaga keharmonian sejagat.

MUFTI Perak, Datuk Seri Harussani Zakaria berkata, bedah siasat haram dilakukan tanpa sebab yang dibenarkan oleh Islam sekiranya punca kematian adalah jelas dan tidak timbul sebarang keraguan di pihak waris mahupun pihak berkuasa.

"Bagaimanapun, keluarga berhak untuk menahan bedah siasat dijalankan jika mereka merasakan ia tidak perlu," katanya.

Dalam kes yang melibatkan kubur digali semula kerana wujud keraguan pada punca kematian, jelas Harussani, hukumnya adalah harus dan selepas bedah siasat dijalankan, mayat perlu dikebumikan semula.

Dalam kes ini, mayat yang telah dimandi, dikafankan, disembahyangkan dan dikebumikan dan tidak busuk boleh digali semula jika wujud keraguan pada punca kematiannya. Misalnya, polis mengesyaki mangsa meninggal dunia kerana bunuh diri tetapi beberapa hari kemudian polis menemui bukti bahawa mangsa dibunuh dan bedah siasat perlu dilakukan. Islam membenarkan kubur digali semula kerana ia mempunyai tujuan yang dibenarkan oleh hukum syarak.



HARUSSANI ZAKARIA

## JENIS-JENIS BEDAH SIASAT MAYAT

### 1. Bedah siasat kifukal

Bedah siasat mayat dijalankan bagi mengesahkan punca kematian, kesan sesuatu penyakit atau kecederaan serta bagi tujuan pembelajaran dan penyelidikan. Kes-kes kematian ini tidak berkait dengan kes polis seperti kes penyakit mudah berjangkit atau kematian di wad. Pegawai Perubatan Kerajaan perlu mendapat keizinan waris sebelum membedah siasat. Dalam kes-kes yang melibatkan kepentingan umum seperti kes di bawah Akta Pencegahan dan Kawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342), bedah siasat mayat dibolehkan tanpa perlu merujuk atau mendapat keizinan waris.

### 2. Bedah siasat medicolegal

Bedah siasat ke atas mayat yang dikaitkan dengan kes polis seperti kemalangan, mati lemas, kebakaran, pembunuhan dan kematian yang disyaki atau tidak pasti sebabnya. Majistret atau polis akan mengeluarkan arahan (Borang Pol. 61) kepada Pegawai Perubatan Kerajaan untuk menjalankan bedah siasat mayat tanpa perlu merujuk atau mendapat keizinan waris.

**MUZAKARAH Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan kali ke-25 yang bersidang pada 13 Disember 2009 telah memutuskan:**

"Pembedahan mayat orang Islam hanya boleh dilakukan jika keadaan benar-benar memerlukan (darurat) sahaja seperti terlibat di dalam kes-kes jenayah yang sangat memerlukan post mortem atau si mati tertelan benda yang berharga atau si mati yang sedang mengandung sedangkan kandungannya masih hidup."

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan kali ke-61 yang bersidang pada 27 Januari 2004 dalam membincangkan mengenai hukum bedah siasat mayat yang kematian bukan dikategorikan kes jenayah telah memutuskan:

"Hukum asal pembedahan mayat adalah haram tetapi dibolehkan sekiranya dalam keadaan darurat dan terdapat keperluan yang mendesak seperti membuat kajian terhadap pesakit, mengenal pasti punca kematian dan penyelidikan serta pendidikan khususnya dalam bidang perubatan."